



Nur Alea Soffiya (kiri) dan Hanis Syuhada terpaksa mengikuti sesi PdPR di luar rumah berikutan masalah capaian internet di Pulau Aman, Nibong Tebal.

(Foto Nur Izzati Mohamad /BH)

## Merayau cari liputan internet untuk pembelajaran di rumah

**Nibong Tebal:** Sebahagian pelajar sekolah di Pulau Aman, dekat sini terpaksa merayau hingga Hujung Tanjung, kawasan paling hujung di pulau berkenaan bagi mencari liputan internet untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).

Ada di antara mereka juga menggunakan lebih daripada satu telefon pintar supaya tidak ketinggalan menyertai sesi berkenaan sejak sesi persekolahan bermula Rabu lalu.

Ia berikutan masalah capaian internet yang tidak kuat dan kerap terputus hingga memberi kesukaran kepada pelajar di pulau terbabit untuk belajar secara dalam talian.

Pelajar Tingkatan Empat, Nur Alea Soffiya Ahmad Hanif, 16, berkata dia terpaksa meminjam telefon pintar bapanya untuk mencari capaian internet yang kuat sebelum membuka hotspot dan merangkaikannya dengan telefon pintar miliknya untuk mengikuti kelas secara google meet.

Disebabkan perlu belajar dalam talian akibat pandemik COVID-19 yang belum berakhir, katanya, dia berusaha sebaik mungkin untuk turut serta mengikuti kelas google meet dengan membeli data internet tanpa had.

"Namun, saya sering berdepan masalah akses internet yang selalu terganggu sehingga terpaksa meninggalkan kelas lebih awal. Masalah ini juga menyebabkan saya penat terpaksa berjalan merayau-rayau sehingga ke Hujung Tanjung yang berjarak kira-kira 10 minit dari rumah.

"Untuk mencari capaian internet yang kuat, saya juga terpaksa meminjam telefon pintar ayah untuk

dibuka hotspot dan diletakkan di ceruk tingkap rumah supaya saya dapat mengikuti kelas.

"Namun, jika masalah liputan internet berlarutan, saya hanya mampu memohon maaf kepada guru. Mujur guru memahami masalah yang dihadapi," katanya ketika ditemui semalam.

Anak sulung daripada lima beradik itu berkata, dia memahami 70 hingga 80 peratus ilmu yang diajar guru melalui kelas dalam talian, namun berharap pandemik COVID-19 dapat berakhir secepat mungkin.

"Pembelajaran bersemuka adalah lebih baik, apakah lagi saya bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), tahun hadapan," katanya.

Rakannya, Hanis Syuhada Razali, turut menghadapi masalah sama

seperti Nur Alea Soffiya hingga sesi pembelajarannya menjadi kelam kabut.

"Jika Alea guna data, saya pula guna perkhidmatan jalur lebar kerana ingatkan saya tidak akan berdepan masalah, tetapi masalahnya sama sahaja. Bagaimanapun, saya tidak berputus asa, malah sanggup belajar di tepi tingkap untuk mencari capaian internet.

"Sekarang memang kena usaha sendiri, jika tidak memang saya akan tercincir dalam pelajaran," katanya yang bersama-sama Nur Alea Soffiya belajar di Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shabudin, di Bukit Mertajam.

Tinjauan di Pulau Aman mendapati capaian internet bagi perkhidmatan disediakan semua syarikat komunikasi di negara ini menghadapi masalah dan sering terputus, sekali gus turut memberi kesukaran kepada penduduk sekitar berdepan kecemasan.

Sementara itu, Pengurus Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Pulau Aman, Saidi Abd Majid, berkata masalah capaian internet di kampung itu sudah lama dialami mereka.

"Apa yang menjadi kerisauan ialah jika pelajar terpaksa keluar rumah semata-mata untuk akses internet pada waktu malam. Ia sudah tentu menimbulkan risiko kepada keselamatan mereka.

"Jika boleh, kami mahu syarikat telekomunikasi melaksanakan usaha naik taraf rangkaian sedia ada bagi memudahkan penduduk di sini agar kami tidak lagi berdepan masalah telekomunikasi dan capaian internet yang terhad," katanya.

**Saya sering berdepan masalah akses internet yang selalu terganggu sehingga terpaksa meninggalkan kelas lebih awal. Masalah ini juga menyebabkan saya penat terpaksa berjalan merayau-rayau sehingga Hujung Tanjung**

**Nur Alea Soffiya Ahmad Hanif,  
Pelajar Tingkatan Empat**